


BILANGAN 31 TIADA


PETIKAN 1



Kaulah kencana ku
Menyinari dalam hidupku
Kaulah satu yang **tiada** duanya

Kaulah kencana ku
Menyinari dalam hidupku
Kaulah satu yang **tiada** duanya


PETIKAN 2



Kemana bintang beribu
Di malam ini
Tiada satupun yang kelihatan
Kecuali kelam

Kemana bintang beribu
Di malam ini
Tiada satupun yang kelihatan
Kecuali kelam

PETIKAN 3



KU Mencari diriku
MUNGKINKAH HANYA SEEKOR KERENGGGA
YANG LEMAH TIADA BERDAYA
SERINGNYA MENJADI MANGSA
SERINGNYA MENJADI MANGSA

Ku mencari diriku
Mungkinkah hanya seekor serangga
Yang lemah **tiada** berdaya
Seringnya menjadi mangsa
Seringnya menjadi mangsa

Kamus Dewan (edisi keempat) mencatatkan kekata 'tiada' bermaksud:

Tidak ada

Lihat petikan 1 dan 2. Kekata 'tiada' dapat digantikan dengan frasa 'tidak ada'

1a) Kaulah satu yang **tiada** duanya

1b) Kaulah satu yang **tidak ada** duanya

2a) **Tiada** (bintang) satupun yang kelihatan

2b) **Tidak ada** (bintang) satupun yang kelihatan

Selain itu, 'tiada' juga bermaksud:

Tidak

Dalam Petikan 3, Kekata 'tiada' boleh bertukar dengan kekata 'tidak':

3a) Yang lemah **tiada** berdaya

3b) Yang lemah **tidak** berdaya

Ramai bahasawan menyatakan bahawa 'tiada' digolongkan sebagai kata kerja yang mempunyai fungsi transitif semu, yakni kata kerja yang tidak boleh dipasifkan, atau tidak boleh dibubuh awalan di:

4a) Pasangan itu **tiada** anak walaupun telah berumahtangga selama dua dekad.

4b) *Anak **ditiada** pasangan itu walaupun telah berumahtangga selama dua dekad.

Ada juga menyatakan bahawa 'tiada' bermaksud tidak mempunyai, dan tidak hadir/tidak wujud. Bagi maksud tidak mempunyai, perkataan yang mengikutinya hendaklah perkataan berjenis kata nama. Lihat contoh petikan 4 dan 5 di halaman sebelah:

PETIKAN 4



Sendiri
Ada waktunya
Memberi ketenangan di jiwa
Sendiri
Kadang menyiksa
Kerna **tiada** teman bicara

PETIKAN 5



Sendiri menempuh hidup
Tiada berayah **tiada** beribu
Sendiri
Aku berjalan
Tiada harta menjadi bekalan

Dalam petikan 4, kekata tiada bermaksud tidak mempunyai .

5) kerna (kerana) tidak mempunyai teman bicara.

Begitu juga dengan petikan 5,

6) tidak mempunyai harta menjadi bekalan.

Sementara dalam baris *tiada berayah tiada beribu*, tiada bermaksud tidak bagi mewujudkan maksud kata nafi. Namun, ramai bahasawan tidak menggolongkan tiada sebagai kata nafi. Jika demikian, baris tersebut, hendaklah bertulis *tiada ayah tiada ibu* bagi membentuk maksud 'tidak mempunyai'


Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tiada juga boleh bermaksud tidak hadir atau tidak wujud. Sekadar contoh:

PETIKAN 6



Bersama membelah badai
Bersama menyusur pantai
Dan aku menyedari
Kini kau **tiada** lagi.

PETIKAN 7



Kaulah yang maha Agung
Kaulah yang maha mengetahui
Tuhan dunia akhirat
Tiada aku tanpamu

PETIKAN 8



Tinggallah intan mustika
Pada bayu ku kirimkan pesan
Andaiku **tiada** lagi di dunia
Jangan nanti kau kesalkan

Maksud tidak hadir boleh diperlihatkan dalam ayat berikut:

7) Dia **tiada** di dalam pertemuan itu.


8) Penghulu dan isterinya **tiada** di rumahnya.

9) Pemuzik yang terkenal itu tiada di bilik rakaman.

Kekata tiada dalam ayat 7 hingga 9 diikuti dengan frasa sendi di dalam pertemuan itu, di rumahnya, dan di bilik rakaman,


Berdasarkan keterangan di atas, cuba anda fahami penggunaan tiada dalam petikan berikut. Apakah silapnya?

PETIKAN 9




Tak seperti burung di sangkar
Hatinya sedih
Mengenang nasibnya
Yang terkurung sepi
Di sangkar permata
Yang **tiada** bererti
Hidup tersisih
Menanti kasih di hujung jari

PETIKAN 10



Betapa agungnya kasih yang mengalir
Seumpama air di dalam firdausi
Terasa salju yang **tiada** hingga bila dirimu
Mengucup mesra tanganku
Tanda cinta bersemadi
Tiada ternilai segalanya
Kasih sayang

PETIKAN 11



Lama ku pendamkan
Perasaan sayang padamu
Hingga aku gundah **tiada** sudah
Harianku terbayangkan wajahmu
Sungguh sayuOooooo

PETIKAN 12



Tiada yang tidak terkhilaf.